


MERDEKA (KAH?)

MALAYSIA

BARU

ZINE EDISI MERDEKA



PROJEK ZINE

Halaman ini disengajakan kosong.



Kredit untuk Semua

Terima kasih buat semua yang rela hati ingin memuatkan secebis dua karya mereka di dalam zine edisi Merdeka ini. Tidak dilupakan buat semua yang telah membantu kelancaran proses pembikinan zine ini sama ada secara langsung dan tidak langsung- terima kasih. Untuk yang sudi memuat turun dan membaca zine ini, terima kasih!

Kami dari Projek Zine mengakui apa-apa kelemahan yang mungkin para pembaca dapati dari muka depan hinggalah muka akhir. Khilaf kami diharapkan dapat dimaafkan dan akan diperbaiki dalam edisi akan datang.

Selamat membaca!

Pereka muka depan: **adiHJ**

Para penulis:

__UNNU__
Rosyaidi

Lisa H.

OM ACU

Farahani R.
Mohd. Izzul Fiky

Mohd Daniel Ikhwan Chu

Cho Zhi Cheng

Kandungan


__UNNU__

Merdeka itu bebas,
Kebebasan yang sempurna,
Sempurna arti tak ternoda lagi,
Ternoda karena kesalahan,
Kesalahan yang seharusnya tak perlu terjadi,
Maka merdekan dirimu,
Dari belunggu keegoisan yang mengikatmu??

Medekakah kamu,
Dari amarah yang menakutimu,
Dari kebencian yang kamu rawat dan tumbuh dihatimu,
Sudah merdekakah kamu???

Mampukah kamu merdekakan dirimu,
Atau mampukah aku membebaskan diriku,
Tanya hatimu,
Maka kamu akan menemukan jawabanmu,

Ayo berjuang,
Salam kemerdekaan,



MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! **MERDEKA?**

Rosyaidi

Merdeka!

Laungan untuk tanah yang subur ini,

Yang dibebaskan daripada cengkaman kuasa para celaka,

Melalui penghidangan tipu daya kepada para buta dan tuli.

Merdeka!

Tanah ini telah merdeka,

Dengan para penguasa sedang bersuka-suka,

Di atas teriakan rakyat yang murka.

Merdeka!

Ungkapan yang memberi senyuman menanda kebebasan,

Namun masih ramai yang terbeban dan berduka,

Kerana dipijak, dihentak dan dikerah oleh para sialan.

Merdeka!

Tanda rakyat bebas daripada cengkaman,

Cengkaman oleh pembawa luka,

Namun hakikatnya mereka masih membawa luka diselimuti senyuman.

Merdeka!

Tanah ini merdeka dianjuri oleh para pemimpin,

Pemimpin tua yang celaka,

Meranapkan dengan istilah kuasa memimpin.

Merdeka!

Tanah dipunyai kaum berbagai,

Sedang dijajah oleh para Firaun era maju-merdeka,

Membuat kebusukan sebusuk bangkai.

Merdeka?

Adakah tanah ini telah merdeka?

Atau sedang dijajah oleh para celaka?

Yang kononnya sebagai pemerintah di negara yang kononnya merdeka.



Merdeka (Kah) Malaysia Baru?

Lisa H.

Lisa meletakkan naskhah bacaannya, Tari Pasar Perempuan (TPP) di atas meja lantas menghirup secangkir teh hangat yang dibancuh Azreel, adik lelaki bongsunya. Lisa merenung naskhah TPP hasil karya Fadzleena H, seorang penulis kegemarannya. Lisa kurang pasti bila sebenarnya kali pertama mengenali Fadzleena. Namun hasil karyanya menerusi Tari Pasar Perempuan telah membuatkan Lisa sedikit jatuh cinta dengan penulis itu.

"*Fuck up sial* story yang ni, kau kena baca B, " ujar Lisa kepada Azreel yang senang dipanggil B atau Biby. Nama yang boleh buat hilang macho kalau rakan-rakan sama skod dengannya di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) & Maktab Tentera Diraja (MTD) dengar. Maklumlah, geng-geng Mat Perang ni mana boleh nama jambu-jambu. Azreel yang sibuk membelek telefon pintarnya hanya membalas, "ye kak, nanti biby baca". Malas nak layan punya pasal.

Lisa memang seorang yang mudah ghairah dengan setiap apa yang dibaca. Dia sedang membaca salah satu bab di mana seorang pembantu rumah telah mengambil kesempatan terhadap majikan yang sedang bermuram durja dek tidak berpeluang menyusu anaknya yang baru dilahirkan, dengan menyusukan kedua bapa dan bayinya- *FUCK?* Bab itu telah memberikan *goosebumps* kepadanya.

Lisa mempercepatkan langkah ke platform apabila dia terdengar bunyi train sudah mulai mendekati stesen. Nasibnya baik, dia menaiki Transit Aliran Ringan (LRT) bukan pada waktu puncak. Kalau pada waktu puncak, memang boleh terlepas trip pertama. Sempit macam tin sardin orang kata.

Lisa bercadang untuk berhenti minum di McDonalds Bukit Bintang sebelum meneruskan perjalannya ke KLCC. Lisa gemar menikmati Americano panas di McCafe di situ. Terasa nyaman katanya. Usai memesan dan mengambil pesanannya Lisa naik ke tingkat atas untuk menikmati kopi yang dipesannya sebentar tadi. Lisa mengambil tempat duduk yang menghadap ke arah luar. Salah satu sebabnya kenapa Lisa memilih untuk duduk menghala ke tingkap yang menghadap ke luar kerana dia suka memerhati gelagat orang ramai dari jauh. Selain itu dia tidak mahu bertegur dengan kenalannya seandainya mereka turut lepak di tempat yang sama.

Asyik menikmati kopinya, Lisa terlihat sekumpulan perempuan berpurdah. Lisa teringat momen zaman belajar di UiTM Merbok.

Syahira, seorang gadis yang berpurdah di luar kampus. Peraturan universiti telah menghalang beliau daripada mengenakan kain tersebut di wajahnya. Teringat Syahira pernah bercerita tentang isu di Perancis. Dia sangat mengkhuatiri dengan isu *Islamophobia* di sana.


Pengharaman pemakaian burqa sudah dikuatkuasakan sekian lamanya di sana. Tambahnya, itu merupakan pencabulan hak asasi. Kerana seandainya melepaskan rambut itu satu pilihan, kenapa pula tidak untuk berpurdah atau mengenakan burqa?

Syahira meneruskan lagi, "Sebenarnya di Malaysia mungkin hampir sama dengan Perancis, kau lihatlah di kampus kita dilarang pemakaian purdah. Kita tiada kebebasan bersuara. Kongkongan yang nyata, yang bezanya dengan zaman sebelum merdeka adalah sekarang kita ditindas oleh orang kita sendiri. Demokrasi Negara kita sangat berselirat. Bertindan dengan isu keagamaan. Kita masih tidak bebas bersuara, kita hanya bebas daripada cengkaman penjajah luar, tapi kita masih ditindas bangsa sendiri.

Negara kita mungkin dah mencapai kemerdekaan, tetapi Merdekakah kerajaan kita daripada salah guna kuasa? Rasuah, Bebaskan Negara kita daripada sentiment perkauman? Bersepah anak-anak yatim dan miskin yang masih keciciran. Kita sebenarnya bebas daripada reality, tapi terperangkap dalam ilusi"

Perbincangan tersebut telah membuatkan Lisa berfikir. Walaupun sudah ke sekian tahun mereka tidak berjumpa namun apa yang telah diperkatakan oleh Syahira telah memberikan kesan yang mendalam dalam hati Lisa. Adakah sebenarnya negara kita ni *minor-Islamophobia*? Merdeka kah kita sebenarnya?

Lisa menghirup kopinya untuk kesekian kali sebelum beransur keluar daripada restoran tersebut.



SEWA RUMAH: PENYEWA LAMA DAN BARU, TETAP KENA KENCING

OM ACU

***Di suatu pagi yang cerah, di sebuah rumah yang disewakan, si Tuan Rumah sedang menghalau si Penyewa Lama yang sesuka hati mengencing Tuan Rumah.

Penyewa Lama : Hak ala bos, kami sudah lamalah tinggal dekat sini dan ibarat sudah jadi Tuan Rumah juga bos. Sudah 6 dekad kami tinggal sini, turun temurun! Takkanlah mahu suruh kami keluar.

Tuan Rumah 1 : Aku tak kisah! Aku sudah lama bersabar dengan kamu! Selama kamu tinggal di sini, kamu sesuka hati buat semua benda. Kamu kencing aku! Kamu tabur janji! Dari dahulu sampai sekarang manis saja di mulut, satu pun tiada yang dikerjakan. Kononnya nak bagi taraf istimewa kepada aku sebagai pemilik tanah ini!

Penyewa Lama : Bos! Siapa yang dapatkan tanah ini daripada dirampas oleh bangsat-bangsat pencuri tanah? Siapa yang memajukan tanah bos?

Tuan Rumah 1 : Ah, kamu dapatkan dengan cara yang bagaimana? Tipu muslihat? Kau tipu aku dan keluarga. Kononnya berjuang habis-habisan tapi disebalik semua benda itu, hanya tipu muslihat!

Penyewa Lama : Tipu muslihat? Apa bukti itu semua tipu muslihat?

Tuan Rumah 1 : Dahulu, awal-awal kerabat kamu menyewa rumah ni hanya dengan tujuan untuk membebaskan rumah dan tanah kami dari dirampas para bangsat itu! Mereka janjikan kedamaian dan kebebasan. Tetapi sehingga sekarang kedamaian dan kebebasan itu ibarat janji manis. Tanah dan rumah kami seakan masih dipenjara! Dipenjara oleh kamu! Kamu menyewa dengan berbuat sesuka hati! Berjanji untuk membantu menjana kesenangan untuk kami! Lima tahun sekali, akan ada penyewa baru yang mahu masuk menyewa, kamu taburkan janji dan memaksa kami untuk kekalkan kamu sebagai penyewa. Sekarang, kami yang merana, sewa tidak bayar, janji tinggal janji!

Penyewa Lama : Oh, ini mesti ada penyewa baru yang sudah janjikan kamu kononnya mereka boleh lebih menyenangkan kamu daripada kami. Semua alasan-alasan yang bos tadi hanya mahu menguatkan hujah kamu untuk tidak memilih kami lagi-kan?

Tuan Rumah 1 : Aku peduli apa? Penyewa baru sudah janjikan lebih baik daripada kamu, malah mereka dengan penuh keyakinan boleh melaksanakan beberapa janji mereka hanya dalam 100 hari selepas mereka berjaya menyewa rumah ini.

Penyewa Lama : 100 Hari? Hahaha! Ini betul-betul kaki kencing! Nyata!

Tuan Rumah 1 : Baik! Hari ini kamu keluar! Esok penyewa baru hendak masuk!

Penyewa Lama : Baiklah, pesanan kami, penyewa baru itu juga sebenarnya kaki kencing juga, percayalah. Mereka menggunakan persepsi-persepsi untuk kamu menghalau kami dari rumah ini, percayalah. Terima kasih!

Keesokannya…

Tuan Rumah 1 : Sila masuk dan buatlah seperti rumah kamu sendiri. Semoga kamu dapat membangunkan rumah ini dengan lebih baik.

Tuan Rumah 2 : Ya, seeloknya kamu tepatilah janji kamu, kami sudah muak dengan penyewa lama. Asal kamu dapat menggantikan mereka, itu sudah lebih daripada baik.

Penyewa Baru : Baiklah, kami yakin kami akan tunaikan janji kami dengan jayanya. 100 hari!

Tuan Rumah 3 : Kau yakin, kau dengan krooni-kroni kau mampu tunaikan janji-janji tersebut? Jangan janji-janji tanpa mengetahui kesannya. Nanti nyata juga kamu kaki kencing.

Penyewa Baru : Ya! Kami yakin! Percayalah, penyewa lama hanya tahu tabur janji, kencing merata. Kami tidak begitu!

Tuan Rumah 2 : Isunya di sini bukan janji mereka! Tapi aku mahu penyewa lama keluar! Kau fahamkah?

Tuan Rumah 1 : Sudah berapa lama mereka menyewa dan mengencing kita? Kau fahamkah tidak ni!?

Tuan Rumah 3 : Baiklah, kalau itu kalian percaya, teruskan, aku memang tetap akan mempersoalkan penyewa baru ini. Seolah mustahil untuk mereka menunaikan janji mereka. 100 hari? Mustahil.

Penyewa Baru : Kami yakin kami mampu tunaikan, kami tidak sama dengan penyewa lama. Mereka itu kaki kencing, busuk dan hina.

Tuan Rumah 3 : Tapi bukankah beberapa orang daripada kamu datangnya dari golongan penyewa lama?

Penyewa Baru : ……..

Tuan Rumah 1 : Kau siapa mahu mempersoalkan mereka datang dari mana? Aku sudah cakap, asal penyewa lama keluar!

***Beberapa minggu kemudian, penyewa baru memberi alasan bahawa mereka sukar untuk menunaikan janji kerana kerosakan yang dibuat oleh penyewa lama.

Tuan Rumah 3 : Ini sudah masuk beberapa minggu kamu menyewa, langsung tiada usaha yang tampak daripada kamu untuk menunaikan janji kamu.

Penyewa Baru : Macam begini, kami mengalami kesukaran untuk menunaikan janji dan membawa perubahan untuk rumah ini kerana

kerosakan- kerosakan yang dilakukan oleh penyewa lama.

Tuan Rumah 3 : Itu bukan masalah kami, kamu yang berjanji kamu perlu cari jalan untuk menyelesaikan bukan membuat persepsi-persepsi sebegitu.

Tuan Rumah 1 : Kau tidak fahamkah? Takkanlah baru kahwin hari ini, esok sudah dapat anak?

Tuan Rumah 2 : Ya betul tu, mereka perlu masa untuk membuat semuanya.

Penyewa Baru : Ya, kami juga terpaksa membayar 1 Trillion untuk menyelesaikan semua kerosakan yang dilakukan oleh penyewa lama. Itu punca utama untuk kami menunaikan janji 100 hari kami.

Tuan Rumah 3 : Aku sudah yakin, mereka ni sama juga kaki kencing. Bukan main lagi berjanji.

Tuan Rumah 1 : Sudah! Kau tiada hak untuk mempersoalkan penyewa baru kita! Kau siapa!?

Tuan Rumah 2 : Ya sudahlah! Mereka masih ada masa, percayalah! Kau tiada hak untuk mempersoalkan mereka. Yang penting penyewa lama keluar.

Tuan Rumah 1 : Wahai penyewa baru yang kami anggap mulia, kami akan membantu kamu untuk memungut wang supaya meringankan kamu membayar 1 Trillion itu.

Tuan Rumah 3 : Kamu gila apa? Itu masalah yang mereka perlu selesaikan, bukan kita!

Tuan Rumah 2 : Kau yang gila, sepatutnya kita bantu mereka, kau tidak mahu bantu, sila diam!

Tuan Rumah 3 : Baik! Kita lihat saja nanti!

***Hari yang ke-101 selepas Penyewa Baru menyewa rumah para Tuan Rumah…

Tuan Rumah 3 : Janji bukan main lagi, sekarang berapa banyak janji 100 hari kamu tidak laksanakan?

Penyewa Baru : Kami mengaku kami tidak mampu melaksanakan semuanya, selama 100 Hari kami mengalami kesukaran hasil kerosakan yang dibuat oleh penyewa lama.

Tuan Rumah 3 : Ah! Kamu hanya menyalahkan penyewa lama! Penyewa lama, penyewa lama, penyewa lama!

Tuan Rumah 1 : Woi kau bodoh! Mereka baru menyewa 101 hari, kau sudah mempersoalkan kesalahan mereka, yang menyewa 61 tahun itu dulu kenapa kau diamkan saja?

Tuan Rumah 2 : Ya, asalkan penyewa lama keluar!


Tuan Rumah 3 : Sejak bila aku tidak persoalkan? Dulu siapa yang balik-balik melawan penyewa lama bila mereka cuba memijak kepala kita? Dulu kamu cuma suka berdiam saja dan lena dengan janji-janji penyewa lama. Aku angguk saja! Kamu tidak mahu ambil iktibar daripada penyewa lama? Sekarang, kamu masih mahu angguk saja dengan alasan-alasan penyewa baru dan mendiamkan saja? Aku mempersoalkan kamu kata tiada hak? Aku ini siapa? Aku juga TUAN RUMAH. Selamat datang ke era penyewa baru!

Tuan Rumah 1 : .....

Tuan Rumah 2 : .....

Penyewa Baru : (Tiada kata maaf dan hanya tekun memberi alasan-alasan yang menyalahkan penyewa lama. Bodoh!)

Penyewa Lama : Kena kencing jugakah tu?



Wisma. Yang. Merdeka.

Farahani R.

Melawat-lawat Wisma Merdeka dengan keluarga di petang hangat Ahad. Antara aku dengan kau, Wisma Merdeka tidak banyak istimewanya, barang jualannya juga tidak banyak. Kepala-kepala manusia yang bertandang tidak juga banyak.

Dalam kepala-kepala ini, kepala aku baru terpandang kedai-kedai berjenama luar negara yang dibina dalam Wisma Merdeka. Kemudian, aku terpandang sudut terpencil gerai kraf tangan kayu, dengan patung-patung kapas yang tergantung. Senyum mesra meskipun hidungnya lahir panjang. Jejak kakiku masih biasa lajunya. Begitu juga tahap kelajuan kesedaranku yang berpinar gara-gara penyakit migrain.

Aku dan ibuku sedang menggamit enak rasa secangkir kopi panas masing-masing. Bukan calang-calang kopi; ia The Coffee Bean and Tea Leaf. Jenama ini tidaklah sepopular Starbucks, tapi ia tetap berasal dari seberang benua kita. Tetap dari Barat.

Aku menghirup kapas putih yang meriah melitupi kapucino berharga belas ringgit. Jauh mahal, berbanding kopi buatan tangan tempatan. Kerana aku lapar, aku meminta diri untuk sebentar keluar ke Multibake berhampiran. Tinggal ibuku seorang diri, jari halus mencium pantas skrin mobilnya.

Kaki aku terus melangkah, selari dengan kesedaran yang semakin ketara garisnya. Garis dunia. Ya, garis dunia.

Garis dunia Timur-Barat. Orang tempatan tidak akan berkunjung ke gerai kraftangan kita; orang putihlah yang akan sibuk mencuci mata (dan duit) di sana. Memperhalus mata biru mereka dengan seri ceria corak flora fauna pada baju pantai. Di kafe aku menghirup awan lembut susu di atas gigi kopi tadi, aku dan ibuku duduk di sebelah meja dengan seorang putih yang kebetulannya menekuni sebuah buku sarat berilustrasi berkawankan segelas tinggi teh tarik (berkandungkan daun teh yang ditarik versi Coffee Bean, mungkin?) manakala pengunjung lainnya pula orang tempatan dengan berbagai bentuk pasang mata; sepet, berkaca mata, bulat, bujur. Pandangan mata tunduk mereka ternyata untuk entah apa-apa tugas yang mereka ingin selesaikan.

Sementara aku memilih-milih, menimbang-timbang keseksian roti yang terkaca dan penuh bersedia diratah, aku masih terfikirkan garis dunia ini. Tanganku meraba sandwich tuna berlapis empat dan kiriman ibuku, *cheese stick*.

Apakah kita, atau paling kecil, aku; sebenarnya mencuba terlalu kuat mengejar maju? Yalah, kita masih 'berkonfrontasi' soal identiti. Aku gadis Starbucks, kapucino, mocha - tapi aku berat hati memanggil diriku gadis kedai kopi, kopi susu dan Neslo. Sedangkan Starbucks adalah kedai kopi, kapucino asasnya adalah kopi susu berawan tebal dan mocha adalah kopi campur coklat (Nescafe campur Milo – resepi tempatan).

Melihatkan kedai kraftangan yang kecil dan sempit dengan senyumnya si hidung panjang, tiada kemajuan aku mampu lakarkan di sana. Melihatkan seberangnya, kafe tema beralun jazz dan berdinding kayu cerah yang mendabik fakta bahawa ia adalah pencipta asal Ice Blended di selatan California ini; aku tenungnya sebagai tanda peradaban gah dari Barat. “Oh wow, California!”

Menayangkan potret ketamadunan ‘maju-mundur’ di media sosial pula satu perkara lagi. Secangkir kopi kosong jarang bertempat lama di galeri Instagram. Sepinggan mi goreng jarang disimpan lama di galeri Facebook. Tapi secangkir Americano dipersiap lagi dengan hashtag penuh mencecah tiga baris. Tapi sepinggan spagethi bolognaise dimadukan dengan lelehan keju mozarella didandan sebaiknya menggunakan VSCO dan lapisan tapisan Instagram. Lo-Fi mungkin sesuai.

Sehabisnya aku berurusan transaksi dengan tiga orang penjaga kaunter (seorang sebenarnya, yang kedua-dua pekerja lagi sibuk mengatur-susun roti), aku sempat mengerling ke iklan kerja separuh masa Multibake. Aku separuh berminat, namun memutuskan untuk berlalu kosong.

Kembali ke ruang abstrak fikir yang melahirkan segaris dua kerutan dahi, garis dunia yang mengejar kesedaranku; tanda tanya yang lebih utama ialah apakah aku ini sudah merdeka? Gagah membara sok nasionalis, negarawan; jiwa bergari besi cap *Golden Chersonese* yang disiapkan semula pahlawan Perang Dunia Ketiga.

Wisma Merdeka menjadi saksi konflik dalam senyap sang hipokrit ini. Gemerlapan realiti usang yang bergayut bising menerajui hadapan generasi bangsa Malaysia.

Kemajuan Malaysia Selepas Merdeka

Mohd. Izzul Fiky

Seperti yang kita ketahui Malaysia terhasil daripada pengabungan Sabah, Wilayah Persekutuan dan Semenanjung, sewaktu Malaysia belum terbentuk kemajuan teknologi belum lagi berkembang secara meluas. Teknologi negara kita semakin berkembang maju selepas kemerdekaan. Hal ini kerana, selepas merdeka rakyat negara kita menyedari kepentingan bersatupadu diantara suku kaum Malaysia. Setiap suku kaum pempunyai kelebihan kepada negara, masyarakat dan ekonomi.

Maju dalam perkataan kemajuan boleh didefinasikan sebagai bergerak atau melangkah ke hadapan menurut kamus pelajar edisi kedua. Salah satu kemajuan yang telah dicapai selepas kemerdekaan adalah kemajuan teknologi komunikasi. Teknologi telekomunikasi yang telah dicapai oleh negara kita Malaysia adalah telekomunikasi jarak jauh iaitu alat seperti telefon pintar yang membolehkan perhubungan melalui rangkaian jarak jauh berlaku dengan adanya sistem telekomunikasi yang sedia ada. Hal ini kerana, selepas kemerdekaan pemimpin negara kita Malaysia telah melakukan hubungan diplomatik diantara negara. Oleh itu, ianya membolehkan Malaysia berkongsi teknologi komunikasi diantara negara lain. Walaubagaimanapun, Malaysia masih kurang maju berbanding negara lain seperti Jepun kerana masyarakat Malaysia berbeza daripada masyarakat negara lain yang boleh dinilai melalui aspek adab, sikap, sistem Pendidikan dan lain – lain.

Selain daripada telekomunikasi, kemudahan infrastruktur juga semakin maju. kemudahan infrastruktur boleh dikatakan sama taraf dengan negara lain walaupun terdapat perbezaan teknologi dan ciri – ciri kemudahan. Kemudahan Malaysia semakin maju mengikut perkembangan teknologi kerana generasi muda telah didedahkan dengan teknologi dari peringkat muda berbanding sebelum kemerdekaan dimana bangsa melayu berkembang selepas penjajahan British tetapi ianya juga mempunyai kesan sampingan dimana generasi akan datang tidak mengenali budaya dan adat tradisional disebabkan pendedahan teknologi pada usia muda. Contoh yang boleh diambil adalah kemudahan pengangkutan seperti komuter, LRT, Monorail dan MRT. Kemudahan yang tersebut adalah sama dengan negara maju lain seperti Jepun, China, Singapore dan lain – lain tetapi Malaysia masih boleh bersaing dengan negara maju yang lain untuk mencapai objektif negara yang telah diperkenalkan oleh pemimpin negara iaitu menjadi negara yang maju menjelang 2020. Walaubagaimanapun, objektif tersebut sukar dicapai kerana terdapat konflik dalaman yang boleh memecah belahkan negara kita , contoh yang boleh diambil adalah tragedi 13 Mei atau dikenali sebagai peristiwa hitam negara

Di samping kemudahan infrastruktur, perkembangan ekonomi juga bertambah baik disebabkan oleh Malaysia berbilang kaum kaum setelah Malaysia merdeka. Sebelum merdeka setiap kaum dipisahkan oleh pihak British, ketika itu semenanjung belum lagi merdeka dan bergabung dibawah satu nama iaitu Malaysia. Manakala, selepas merdeka setiap kaum bersatupadu untuk membentuk satu negara yang aman serta stabil dari segi pemerintahan dan ekonomi. Ekonomi negara kita Malaysia semakin maju, dengan adanya pelbagai pendapat berbeza berkaitan

kewangan negara dari setiap ahli organisasi kepimpinan negara dan hubungan diplomatik antara negara lain dengan adanya perkembangan teknologi telekomunikasi yang membolehkan Malaysia berhubung dengan negara lain seperti China dimana negara ini adalah salah satu negara perindustrian, dengan adanya perhubungan diplomatik ianya akan dapat menarik minat pelabur dari negara lain untuk melabur di Malaysia. Secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada negara dan membuka peluang kepada Malaysia untuk menambahbaik sistem kewangan negara dengan memahami sistem pengurusan kewangan negara lain serta melantik pakar ekonomi dalam organisasi kepimpinan negara yang akan meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan negara. Walaubagaimanapun, ekonomi negara kita semakin menurun disebabkan pengurusan kewangan yang tidak berkesan dan kes rasuah di antara pemimpin atau organisasi kerajaan mahupun swasta yang terlibat dalam pembangunan negara.



Malaysiaku dan Pejuang Negara Dulu

Mohd Daniel Ikhwan Chu

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia, tanah air kita merupakan salah sebuah negara yang kian pesat membangun di mata dunia. Pembangunan dari aspek ekonomi, politik dan sosial telah mula bercambah sejak dahulu lagi. Segala-galanya bermula daripada pengorbanan para pejuang negara yang berhempas pulas untuk mencapai kemerdekaan. Persoalanny, adakah kita sebagai rakyat Malaysia menghargai jasa mereka?

Era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita telah membuatkan kita alpa dengan jasa dan pengorbanan pejuang negara. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang berwibawa, kita perlu mengingati jasa mereka dengan menghayati sambutan Hari Kemerdekaan. Hal ini demikian kerana kita dapat mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia. Mutakhir ini, generasi muda masa kini terutamanya remaja semakin hilang jati diri. Mereka lebih mengagung-agungkan budaya barat yang amat bertentangan sekali dengan norma masyarakat Timur. Ke manakah hilangnya jati diri sebagai rakyat Malaysia? Tepuk dada tanya selera. Sudah terang lagi bersuluh bahawa menyambut hari kemerdekaan dan penghayatann kemerdekaan itu medium untuk mengukuhkan jati diri.

Sebagaimana yang termaktub, kita hendaklah menanamkan perasaan bangga lagi bermaruah menjadi rakyat Malaysia. Kebanggaan bagi seseorang yang berjiwa merdeka adalah apabila merdeka dapat mendirgahayukan tokoh-tokoh pejuang Malaya terulung ke setiap penjuru alam. Namun kisah-kisah perjuangan mereka ini bukan sahaja bagai lenyap ditelan zaman malah perkara ini sudah tidak menjadi tarikan kepada golongan generasi muda untuk terus meneroka dan mengenal tokoh-tokoh kemerdekaan pada era lampau.

Oleh itu, sebagai anak watan Malaysia, kita perlulah berusaha sehabis-habisnya untuk menyuntik perasaan saya dan menghargai jasa perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam jiwa. Perasaan sayang ini dapat disemai dengan mengenali tokoh pejuang. Persis kata mutiara, 'tak kenal maka tak cinta'. Oleh yang demikian, pihak berkuasa perlulah berpadu sinergi dan menggabungjalinkan elemen mengatur program-program yang mempasakkan rasa cinta dalam diri anak-anak muda terhadap pejuang negara.

'Gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang dan manusia mati meninggalkan nama'. Peribahasa ini merujuk kepada sumbangan seseorang itu akan terus menerus diingati walaupun dia sudah tiada lagi. Konklusinya, tokoh-tokoh seperti negarawan yang telah banyak menaburkan jasa kepada masyarakat dan negara adalah wajar sekali disanjung dan terus kekal terpahat dalam tinta sejarah.

Menanam Semangat di Sekolah

Cho Zhi Cheng

Sedasarwasa ini sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia di segenap empat penjuru dunia ini tentang isu orang muda yang jarang nampaknya ingin peduli mengenai kemerdekaan negara mereka. Lagi-lagi di Malaysia ini, kadang tidak ternampak kelibat murid di sekolah benar-benar bersemangat merdeka.

Keluarga sepatutnya menyambut Hari Kemerdekaan untuk menunjukkan semangat patriotik. Keluarga boleh juga mengajak rakan dan saudara mara untuk bersama meraikan Hari Kebangsaan. Selain itu, sekolah pun mempunyai peranan dalam langkah-langkah menyemai semangat kemerdekaan. Sekolah haruslah mengadakan pertandingan bertemakan kemerdekaan supaya murid-murid berminat dalam Hari Kemerdekaan. Contohnya, deklamasi sajak, pertandingan tarian melibatkan pelbagai jenis tarian dari pelbagai kaum dan lain-lain.

Seterusnya, negara haruslah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan supaya masyarakat kekal berminat dalam Hari Kebangsaan. Masyarakat boleh mengadakan kempen, pertandingan dan deklamasi sajak yang bertemakan kemerdekaan sepanjang bulan Ogos.

Yang terakhir sekali, kepedulian terhadap berita negara Malaysia juga suatu kemestian. Daripada kepedulian inilah, kita lebih peka dan sensitif terhadap isu yang melibatkan negara kita sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Perkongsian berita antara guru dan murid juga harus dilakukan agar jurang informasi itu dirapatkan tanpa mengira status sosioekonomi pelajar. Status sosioekonomi pelajar (dan keluarga) boleh menjadi kayu ukur kebolehcapaian mereka terhadap informasi baharu khususnya apabila acapkali dicapai secara atas talian.

Sejarah vs Sejarah

Farahani R.

Baru-baru ini, kita 'dibangkitkan' dengan persoalan komunis dan perjuangannya. Kita disoal kembali sama ada perlu atau tidak, kita mengetengahkan usaha komunis ini dalam catatan sejarah. Kali ini, forum tersebut dianjurkan kewajaran dan kewarasan akal untuk mengimbau kesusahan mereka pula untuk tatapan remaja belasan tahun.

Reaksi terhadap forum tersebut itu juga bercampur baur. Ada yang peduli, ada yang marah menengking memaki, ada pula yang memuji memuja, ada turut menumpang pendapat siapa yang lebih dilaung kuat.

Untuk masyarakat awam, barangkali forum ini boleh mengundang-cabar ketinggian penghargaan kita pada golongan politik kanan dan veteran tentera. Barangkali juga forum ini boleh menendang pendoktrinan halus UMNO 'menyeleweng' buku teks.

Untuk intelektual, kita tahu ilmu tidak akan berkembang apabila ia tidak diberi ruang secukupnya untuk didebat, dibincang, diteliti. Maka harus kita raikan apapun tesis-antitesisnya agar dapat membentuk sintesis yang boleh membina masyarakat yang cerdas.

Kita juga sedar bahawa forum ini sekadar perbincangan main-main, yang dikatakan tidak dapat melahirkan sebarang kesan terhadap negara secara langsung. Ia hanya sekadar perbincangan mengeletek otak saja dan tidak perlu dimarahi Fahmi Reza dan panel yang lain.

Apapun reaksi atau respon yang telah dikemukakan, aku begitu tertarik ingin menjelaskan sejauh manakah persoalan forum mereka ini agak tersimpang dari realiti.

Forum mereka cuma bicara beberapa panel idealis yang berani bertembung teori dan idea, tapi aku kira, tekanan mereka untuk menukarkan aliran sejarah itu agak sukar dilaksanakan melainkan rasional 'remaja akan lebih bijak memilih percaya yang baik dan sesuai untuk mereka' itu terngiang dalam kepala Menteri, menganggu tidurnya, lalu esok paginya mewahyukan agar isi buku teks ditukar secepatnya.

Sejarah untuk Sejarah

Sebagai sejarawan yang dilatih bertahun untuk membuahkan penulisan sejarah, yang akhirnya disungkurkan oleh pseudo-sejarawan memang menyakitkan. Bagai doktor yang dilatih bertahun-tahun namun dipilih menjadi rujukan rakyat ialah pakar pseudo-doktor pula. Namun kerana mulianya ilmu, terkadang label individual yang terlatih itu sudah kabur. Kekaburan itu ada pro kontranya: lebih banyak buku dan kajian baharu walaupun disiplin ilmu sejarah itu sudah disetubuhi sentimen bias, konspirasi dan berbagai pendapat semberono. Aku juga memakai fakta-fakta dan dapatan segar dari pseudo-sejarah, jadi aku tidak bermasalah dengan tukang tulis sejarah. Hanya aku mohon, jangan dicemari disiplin dalam menukil, menginterpretasikan sejarah yang bakal dikaji.

Aku kira para panelis sudah membaca atau menghasilkan ratusan, ribuan, jutaan kajian; aku sendiri tidak tahu kerana aku tidak mengenali mereka serapatnya. Jadi mereka berfikiran sejarah

itu fakta semata-mata, dan harus diturunkan pada rakyat awam. Sejarah memang perlu fakta dan kebenaran, wajib diturunkan pada masyarakat. Biar masyarakat tahu.

Namun sejarah tetap ada landasannya sendiri. Sejarah lisan, yakni sumbernya datang daripada suara, mulut orang-orang. Sejauh mana ia boleh dipakai, dan boleh diragui? Sejarah yang terbit dari buku-buku, sejauh mana kajian tersebut bebas daripada bias dan interpretasi bergomol emosi? Sejauh mana kredibiliti penulis sejarah tersebut, adakah penulis itu terlatih atau biasa membuat kajian? Fakta itu perlu dirogoli dahulu dengan falsifikasi – ia tidak benar selagi tidak dibuktikan benar. Bagaimana? Rujuk sumber yang paling asli dan paling awal menyebut perkara tersebut.

Sejarah memang susah dan sepatutnya susah. Penulisan sejarah memang sepatutnya susah. Sejarah yang senang ditulis ialah sejarah yang tidak autentik. Penulisan sejarah (atau siapa-siapa yang berkenan menulisnya) seharusnya perlu faham falsafah dan kaedah pensejarahan terlebih dahulu. Kena faham dan hormat bahawa falsafah sejarah bercabang, membulatkan mazhab si penulis sejarah terdahulu. Ada mazhab, baru tahu interpretasi fakta bagaimana kelak.

Sejarah untuk Pendidikan

Menulis buku sejarah tidak senang. Menulis buku teks sejarah, lagilah tidak senang. Ia perlu melalui ramai orang. Ia perlu terbit dari konsensus beberapa orang hanya untuk bersetuju fakta mana yang harus digunakan. Ramlah Adam merupakan sejarawan tersohor negara. Beliau sendiri berkata bahawa penghasilan buku teks Tingkatan 3 (yang menerapkan silibus mengenai perjalanan kemerdekaan) menuruti kehendak kerajaan.

Sejarah untuk pendidikan ini, aku ulangi, tidak sama 'semangatnya' dengan disiplin sejarah yang tulen. Sejarah untuk pendidikan khususnya di negara kita, hanya ditimbulkan sebagai *senaskah tebal berisi fakta yang mampu menidurkan pelajarnya*. Pemahaman pelajar diukur menggunakan soalan rencam bentuknya. Boleh jadi esei pendek, boleh jadi isi tempat kosong, boleh jadi objektif aneka pilihan – itu sejarah dalam arus pendidikan kita. Itu subjek Sejarah.

Pelajar kita kurang kritis; mereka tidak diajar sedari kecil untuk menjadi kritis. Kita marah bila mereka banyak tanya. Kita tunding bila kita salah depan mereka. Kita geram bila mereka meluah. Kita suruh diam bila mereka minta jelaskan apa yang berlaku di Malaysia kini. Lalu bagaimana kita mengadun mereka menjadi rakyat berotak? Tunggu mereka besar. Belum kira sebahagian keluarga retak yang merosakkan perkembangan minda anak-anak. Waktu mereka seharusnya belajar untuk kenal dunia, mereka dipaksa belajar untuk menekup tangan di telinga bila ibu bapa menjadi budak-budak yang berperang mulut.

Ini realiti pelajar muda kita. Siapa peduli? Tiada yang peduli. Ibu bapa, masyarakat, negara. Hanya sekolah yang dibenarkan peduli. Tapi sekolah tidak mampu, sebab mereka cuma ibu bapa kedua. Cuma rumah kedua. Rumah pertama mereka ialah medan piring berterbangan dan lawan pekik siapa betul. Akhirnya pelajar ini menumpahkan perasaan dengan rakan. Rakan menjadi ibu bapa utama mereka. Bukan lagi 'budak-budak lelaki perempuan yang dewasa badannya' di rumah.

Kita kembali kepada subjek Sejarah. Pelajar kita ikut apa yang ada dalam buku teks. Buku teks menjadi penghubung mereka dengan ilmu yang akan diuji dalam kertas peperiksaan nanti.

Buku teks pula menjadi alat pendoktrinan negara, alat ideologi negara. Ideologi negara biasanya menuntut kesetiaan kepada sayap kanan agar rela menghidu ketiak kerajaan. Budaya kita budaya mengikut. Budaya kita bukan budaya melawan.

Jika kita minta PH tukar; buat apa? Di bahagian mana perlu ditukar? Apa kebaikan yang PH boleh diperolehi jika pihak komunis mula mengisi lebih banyak ruang dalam buku teks?

Di sisi pelajar- adakah pelajar yang peduli? Kebanyakan mereka cuma peduli perihal apa bab yang keluar. Mereka belum mahu peduli siapa itu komunis, lagi-lagi mahu terinspirasi atau memilih sisi kanan atau kiri. Mereka peduli berapa banyak betul boleh dapat.

Pemikiran dewasa jangan disamakan dengan pemikiran sebahagian besar pelajar kita; refleksi sejarah bukanlah suatu budaya dalam pembelajaran, meskipun ada dalam rancangan mengajar.

Antara pihak kerajaan-guru-pelajar: tiada manfaat kita memproduksi lagi penulisan fakta buku teks tentang komunis. Barangkali demi menghormati disiplin sejarah; penulisan fakta yang lebih neutral boleh dijalankan ke dalam buku teks.

Contohnya, buku teks Tingkatan 1 dan 2 kini lebih baik, lebih mantap. Yang lebih aku banggakan, kedua-dua buku teks itu melibatkan pensyarah yang aku hormati; Dr. Bilcher Bala dan Dr. Ismail Ali. Aku jarang puji orang, tapi mereka memang hebat dalam pensejarahan Malaysia khususnya berkaitan Sabah.

Tuntasnya

Sejarah dalam erti sebenar meraikan neutraliti. Sejarah dalam erti sebenar merayakan keseimbangan membincangkan sisi menang dan kalah. Tetapi hakikatnya, sejarah dalam pendidikan pula berbeza. Ia dinipiskan menjadi bentuk yang perlu diuji untuk faham. Ia diluruskan agar tidak membebankan murid. Silibus Tingkatan 1, 2 kini (yang aku sebut dengan manis sekali di atas) hanya sedap dan seronok untuk dewasa macam aku. Aku pula memang sudah belajar benda itu di universiti.

Untuk para pelajar, luahannya masih sama- tidak faham kenapa harus belajar kerajaan alam Melayu. Tidak faham kenapa harus belajar Zaman Air Batu Akhir. Tidak faham kenapa harus belajar kapak Neolitik. Tapi mereka boleh faham apa yang diharuskan (kerajaan) untuk dibenci, diharuskan (kerajaan) untuk ditakuti: komunis.

Hassan Hanafi benar; sejarah perlu kesedaran. Sejarah tanpa kesedaran cuma fakta yang orang berlumba ingat. Walaupun isu forum tersebut adalah mengenai kewajaran diubah fakta dalam buku teks, ia perlu menjawab dahulu soalan ini: apa sebenarnya yang kita mahu pelajar belajar? Kalau mahukan perubahan yang terasa kesannya, ia tidak bermula dari buku teks. Ia bermula dari rumah. Ia bermula dari kita. Aku percaya jika kita sudah sesuai pemikiran kita untuk mengenali sejarah dalam sifat mentahnya: gunakanlah buku sejarah sebenar, tidak lagi perlu buku teks.

Tahniah kerana sampai ke halaman ini.



Jika anda berminat menyertakan karya anda untuk edisi akan datang, jom emel projekzine4u@gmail.com.

Projek Zine juga menawarkan ruang buat para penggiat zine yang berminat untuk mendermakan/meng-*curate*-kan karya zine (mestilah hasil akhirnya berbentuk PDF) dalam Internet Archive kami, boleh tanya lebih lanjut di page Facebook rasmi kami: Projek Zine atau terus emelkan ke projekzine4u@gmail.com.